

SOALAN NO: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM

TARIKH: 3 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan mengenai pertikaian di sesebuah organisasi yang diambil tindakan oleh pihak Jabatan Perhubungan Perusahaan, Mahkamah Buruh, dan JTK sejak tahun 2010 sehingga kini. Apakah syarikat yang diambil tindakan dan di bawah akta manakah diambil tindakan dan apakah pihak kementerian bersedia untuk menyeragamkan Akta Pekerjaan 1955 antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

PR-1323-L65172

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Berhubung pertikaian di sesebuah organisasi di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (APP 1967) yang **diambil tindakan** oleh pihak Jabatan Perhubungan Perusahaan sejak tahun 2010 sehingga kini adalah seperti berikut:

Jadual 1: Statistik Pengendalian Kes Pertikaian Perusahaan Melibatkan Kesatuan Dengan Majikan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967, bagi tempoh 2010 hingga 31 Julai 2014

Perkara	Tahun				
	2010	2011	2012	2013	2014
Jumlah Kes Yang Dikendalikan	505	473	410	473	461
Jumlah Kes Yang Diselesaikan	343	387	355	371	355

Jadual 2: Statistik Pengendalian Kes Pertikaian Perusahaan Melibatkan Individu Dengan Majikan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967, bagi tempoh 2010 hingga 31 Julai 2014

Perkara	Tahun				
	2010	2011	2012	2013	2014
Jumlah Kes Yang Dikendalikan	6,944	6,111	5,382	5,489	2,628
Jumlah Kes Yang Diselesaikan	4,522	4,645	4,265	4,903	1,518

Tuan Yang Di Pertua,

2. Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Manusia (JTKSM) mengendalikan pertikaian tuntutan kewangan antara majikan dan pekerja melalui Akta Kerja 1955 (Akta 265). Statistik kes pertikaian yang **diambil tindakan** oleh pihak Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sejak tahun 2010 sehingga Oktober 2014 pula adalah seperti berikut:

Jadual 3: Bilangan Kes Buruh Yang Dikendalikan Oleh Mahkamah Buruh Dari Tahun 2010 Sehingga Oktober 2014

Bil.	Tahun	Bil. Kes Kendali
1	2010	14,348
2	2011	13,866
3	2012	14,680
4	2013	14,700
5	2014 (sehingga Oktober 2014)	12,833

Sumber: Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

3. Untuk makluman Dewan yang mulia, bagi memastikan majikan mematuhi undang-undang dan hak-hak pekerja sebagaimana diperuntukkan oleh undang-undang dibela, pihak Kementerian melalui JTK telah mengambil tindakan perundangan kepada mana-mana majikan yang melanggar undang-undang samada melalui tindakan pendakwaan dan kompaun. Berdasarkan rekod Jabatan, tindakan perundangan yang telah dibuat oleh JTK adalah seperti di Jadual 4 dan Jadual 5:

Jadual4: Bilangan Kompaun Di Bawah Akta Kerja 1955 Dari Tahun 2010 Sehingga September 2014

Bil	Tahun	Jumlah
1.	2010	718
2.	2011	731
3.	2012	509
4.	2013	539
5.	2014	323
Jumlah		2311

Sumber: Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

**Jadual 5: Pecahan Jenis Dan Bilangan Kes Pendakwaan JTKSM
Dari Tahun 2010 Sehingga September 2014**

Bil.	Tahun	Jenis Akta	Bilangan Kes	Jumlah
1.	2010	Akta Kerja 1955	89	137
		Akta Pampasan Pekerja 1952	48	
2.	2011	Akta Kerja 1955	114	169
		Akta Pampasan Pekerja 1952	55	
3.	2012	Akta Kerja 1955	446	629
		Akta Pampasan Pekerja 1952	136	
		Kanun Tatacara Jenayah	31	
		Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981	4	
		Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011	12	
4.	2013	Akta Kerja 1955	367	539
		Akta Pampasan Pekerja 1952	133	
		Kanun Tatacara Jenayah	26	
		Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981	11	
		Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011	2	
5.	2014	Akta Kerja 1955	171	323
		Akta Pampasan Pekerja 1952	58	
		Kanun Tatacara Jenayah	12	
		Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981	1	
		Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011	81	
Jumlah				1797

Sumber: Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

Tuan Yang Di Pertua,

4. Mengikut Jabatan Tenaga Kerja Sarawak, statistik kes tuntutan dan aduan yang diterima oleh Jabatan Tenaga Kerja Sarawak dibawah Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76) dan lain-lain akta yang

dikuatkuasakan oleh JTK Sarawak sejak tahun 2010 hingga Ogos 2014 adalah seperti berikut :

Jadual 6: Aktiviti Kes Tuntutan Buruh

Tahun	Bilangan Diterima	Kes	Bilangan Diselesaikan*	Kes
2010	781		758	
2011	839		775	
2012	924		810	
2013	1051		918	
2014 (Jan – Ogos)	1340		612	

Jadual 7: Aktiviti Kes Aduan Buruh

Tahun	Bilangan Diterima	Kes	Bilangan Diselesaikan*	Kes
2010	179		179	
2011	143		143	
2012	178		178	
2013	408		408	
2014 (Jan – Ogos)	155		155	

5. Manakala mengikut Jabatan Tenaga Kerja Sabah, statistik kes tuntutan dan aduan yang diterima oleh Jabatan Tenaga Kerja Sabah dibawah Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan lain-lain akta yang dikuatkuasakan oleh JTK Sabah sejak tahun 2010 hingga September 2014 adalah seperti berikut :

Jadual 8: Aktiviti Kes Tuntutan Buruh

Tahun	Bilangan Diterima	Kes	Bilangan Diselesaikan*	Kes
2010	989		921	
2011	1077		1013	
2012	891		870	
2013	994		915	
2014 (Jan – Sept)	396		319	

Jadual 9: Aktiviti Kes Aduan Buruh

Tahun	Bilangan Diterima	Kes	Bilangan Diselesaikan*	Kes
2010	470		414	
2011	449		427	
2012	434		432	
2013	604		546	
2014 (Jan – Sept)	479		479	

6. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, adalah menjadi amalan setiap Jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia untuk menjaga kerahsiaan maklumat yang diterima semasa menjalankan tugas penguatkuasaan tersebut dan nama majikan tidak dapat didedahkan.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Penyeragaman ke atas *Ordinan Buruh Sabah* [Bab 67] dan *Ordinan Buruh Sarawak* [Bab 76] telah pun dibuat pada tahun 2005 yang antara lain menyeragamkan pemakaian beberapa peruntukan

termasuk kuasa Pengarah untuk mendengar dan menentukan keputusan tuntutan majikan atau pekerja, kandungan perjanjian perkhidmatan dan lain-lain lagi yang mana sebelum ini tidak diperuntukkan di bawah *kedua-dua Ordinan*.

8. Pada masa kini, Kementerian sedang membuat penyeragaman ke atas kedua-dua Ordinan susulan pindaan ke atas Akta Kerja 1955 yang dikuatkuasakan pada April 2012.